

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

Disiplin kunci kejayaan pelajar cemerlang

BANTING - "Wina tak kisah bila mak abah tetapkan syarat jaga solat, disiplin dan sentiasa mengaji sebab tu semua bantu kita untuk jadi cemerlang," demikian kata pelajar Sekolah Menengah Sains Banting, Nur Syazwina Mohd Yunus yang mendapat keputusan 9A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Syazwina atau mesra dipanggil Wina berkata, orang selalu beranggapan jika ibu bapa seorang guru, anaknya mesti pandai, tapi itu semua tidak menjamin kejayaan seseorang jika tidak berusaha dan bertawakal.

"Ibu bapa kawan baik saya pun bukannya cikgu, tapi mereka turut cemerlang.

"Mungkin ni rezeki saya bila mak dan abah saya cikgu, ditambah pula mereka tekankan disiplin... saya pula ikut saja apa mereka kata.

"Alhamdulillah saya berjaya. Sehari saya mesti luangkan masa tiga hingga empat jam ulang kaji pelajaran di rumah," katanya.

Bapanya, Guru Program Pendidikan Khas SMK Sungai Manggis, Mohd Yunus Kechut



Nur Syazwina sempat berselfie bersama ibu dan bapanya sejurus menerima keputusan SPM, semalam.

berkata, dia gembira apabila anak bongsunya memperoleh semua A dalam SPM.

Katanya, dia dan isteri, yang juga Guru Penolong Kanan (GPK) Sekolah Kebangsaan (SK) Jenderam Hilir, Zakiah Mohd Jaman, 52, mementingkan soal disiplin dalam kehidupan seharian.

"Saya naktengok satu-satunya anak perempuan saya berjaya seperti empat abangnya," katanya yang menganggap kejayaan anaknya itu adalah hadiah terbesar buatnya sebelum

bersara tahun ini.

Zakiah berkata, tidak dinafikan pelbagai teknologi terkini menjadi kegilaan remaja hari ini namun dia dan suami tidak lekang menegur anak-anaknya sekiranya terlalu leka dengan gajet.

"Saya nak anak-anak beringat, jangan lalai dengan perkara wajib contoh solat, mengaji dan berdoa.

"Sebab itulah saya tak kisah kalau saya pentingkan aspek disiplin dalam keluarga," katanya.

KUALA LANGAT / SEPANG

Patuh peraturan, elak kecelakaan

BANTING - Penunggang motosikal, khususnya remaja diingatkan supaya mematuhi undang-undang jalan raya bagi mengelak kemalangan.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, bagi tujuan itu, peranan ibu bapa penting dalam memantau pergerakan anak.

Menurutnya, sebelum ini pelbagai kempen

keselamatan giat dijalankan supaya pengguna mematuhi peraturan jalan raya.

"Kita akan terus mengadakan rondaan setiap masa, bukan pada musim perayaan semata-mata," katanya.

Sebelum ini, beberapa siri kempen keselamatan dianjurkan namun masyarakat masih kurang sedar pentingnya keselamatan apabila berada di jalan raya.

Sebak tatap keputusan SPM anak

Usaha gigih suami isteri jual air tebu terbayar selepas anak bongsu mereka berjaya peroleh 9A



BANTING - Pasangan suami isteri yang menjual air tebu di pasar malam sekitar Banting tidak dapat menahan sebak apabila anak bongsu mereka, Mohd Radzi Solihan, mendapat 9A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan Pengetua Sekolah

Menengah (SM) Sains Banting, Kamaludin Taib, semalam.

Rukinah Salim, 60, berkata, dia menitikkan air mata apabila nama anak bongsunya dipanggil ke pentas apabila nama tersenarai dalam pelajar mendapat semua A dalam semua mata pelajaran.

Menurutnya, dia mengangap usaha gigih bersama suaminya, Solihan Hasan, 66, menjual air tebu sejak 30 tahun lalu terbayar apabila anak lelakinya mendapat keputusan cemerlang.

"Makcik hanya minta dia berdoa dan mengaji setiap kali waktu solat supaya diberikan hati yang tenang untuk terima ilmu.

Rukinah (kanan) tidak dapat menahan sebak apabila melihat keputusan semua A dalam slip peperiksaan SPM anaknya, Mohd Radzi, sambil diperhatikan Solihan.

"Kami bukanlah keluarga yang senang dan hanya berniaga di pasar malam empat kali seminggu.

"Tu pun kalau cuaca baik, dapatah makcik dan pakcik rezeki lebih, kalau tak, pendapatan kami tak seberapa..." katanya yang hadir sama melihat keputusan anaknya.

Bagi Solihan pula, dia turut menganggap keputusan anaknya adalah restu pihak sekolah terutama guru yang membimbing anaknya terus berjaya.

Katanya, walaupun dia sudah berumur tetapi masih meneruskan kerja berniaga menjual air tebu untuk memberi pendidikan terbaik buat anak-anaknya.

"Lepas ni pakcik kena usaha lebih sikit untuk tambah pendapatan sebab Radzi bakal melanjutkan pendidikan ke uni-

versiti pula.

"Macam mana susah pun kami, kami nak tengok anak-anak berjaya... itu harapan kami walaupun jual air tebu saja. Itu sudah bantu kami mendapat rezeki yang halal," katanya yang tinggal di Kanchong Darat, Banting.

Mohd Radzi berkata, dia antara 34 pelajar SM Sains Banting yang mendapat semua A dalam SPM, semalam.

"Tiap-tiap pagi saya telefon mak, mak akan doa. Ya ALLAH Ya Tuhanku, permudahkan urusan anak ku menjawab peperiksaan dengan tenang... Amin.

"Kalau setiap pagi saya telefon sebelum masuk dewan peperiksaan, hari-hari tu juga mak akan doa yang sama walaupun melalui telefon hingga peperiksaan hari terakhir selesai," katanya.



KLiK pilihan

SUMBANGAN Timbalan Presiden Majlis Belia Selangor (MBS), Hafez Shuriddin (tengah) yang mewakili Presiden MBS, Datuk Irmohizam Ibrahim menyampaikan sumbangan cermin mata kepada A Amirtham, 62, ibu salah seorang mangsa tragedi MH370, S Puspanathan pagi semalam. Sudah dua tahun tragedi MH370 namun Amirtham masih tetap menunggu kepulangan anaknya. Hafez berkata, MBS berasa simpati dengan nasib yang menimpa Amirtham dan keluarganya yang kehilangan anak sulungnya itu.